

UMS korban lapan ekor lembu sempena Aidiladha

UB 24.8.2018 A5

Oleh SITI AISYAH
NARUDIN

KOTA KINABALU: Sebanyak lapan ekor lembu dikorbankan sempena Majlis Ibadah Korban Peringkat Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pegawai Hal Ehwal Islam UMS Mohammad Fazri Abdul Hamid berkata, korban tujuh ekor lembu dijalankan di Masjid UMS manakala seekor diserahkan kepada Kampus Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) Sabah.

Menurutnya, acara ibadah korban sempena sambutan Hari Raya Aidiladha

dijalankan setiap tahun di UMS.

“Selain dapat mengeratkan kerjasama sesama warga UMS khususnya kakitangan sokongan dan pensyarah, program ini juga dapat menambahkan lagi pengetahuan tentang ibadah korban.

“Sebelum majlis ini juga, kita ada menyembelih seekor lembu untuk jamuan memandangkan UMS turut terdiri daripada ramai kakitangan bukan Islam.

“Penglibatan ramai kakitangan membantu melancarkan lagi perjalanan programini,” katanya kepada

media selepas majlis itu di sini pada Khamis.

Beliau berkata, menerusi program itu, pihaknya dapat mewar-warkan kepada orang ramai tentang kebaikan menjalankan ibadah korban pada Aidiladha.

Selain itu katanya, setiap tahun jumlah korban semakin meningkat namun ia terpaksa dihadkan kerana memerlukan jumlah kakitangan yang lebih ramai.

Fazri berkata, langkah itu membantu acara penyembelihan dan agihan daging korban dilaksanakan dengan lebih lancar dan teratur.



ACARA menyembelih lembu yang diaksanakan di Masjid UMS.